

Rintihan empat beradik dapat perhatian

BANTING - Kisah empat daripada tujuh adik beradik yang memohon bantuan mendapatkan dokumen pengenalan diri akhirnya mendapat perhatian.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, wakilnya ke rumah keluarga terbabit semalam selepas menerima maklumat empat beradik berkenaan bagi mendapatkan dokumen salinan untuk dibawa ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk tindakan susulan.

Menurutnya, kes itu sebenarnya perlu diteliti bagi mengelakkan berlakunya sebarang masalah memandangkan ibu bapa pemohon warga Indonesia.

"Saya akan buat surat sokongan supaya mereka dapat dokumen pengenalan diri.

"Saya faham mereka sudah berumur lingkungan 20 hingga 40 tahun dan terpaksa

'Susah hidup tanpa kad pengenalan'



Laporan Siaran 21 Januari lalu.

berdepan dengan pelbagai kesukaran termasuk hal berkaitan keluarga.

"Sekiranya mereka ini benar-benar layak, kita akan pastikan permohonan itu disegerakan," katanya.

Katanya, beliau terus memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat mengenai hal berkaitan mana-mana agensi.

"Saya akan cuba beri sokongan untuk disegerakan

sekiranya perlu. Saya tak nak disebabkan salah faham antara jabatan terlibat dengan pelanggan, masalah tak dapat diselesaikan.

"Kalau mereka dah berkali-kali jumpa pelbagai pihak dah tentu ia serius sebab sampai sekarang tak selesai lagi," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan rintihan empat beradik yang terpaksa tebal muka berjumpa dengan pegawai pelbagai jabatan semata-mata hendak mendapatkan dokumen pengenalan diri.

Empat beradik terbabit yang tidak mempunyai pekerjaan tetap itu dimaklumkan hanya ada surat beranak.

Walaupun dilahirkan di Malaysia namun mereka dikatakan tidak layak mendapat kad pengenalan disebabkan beberapa perkara, termasuk dokumen tidak lengkap dan kesilapan butir peribadi yang dicatatkan pihak berkenaan.

Ibu bapa perlu waspada elak anak terpengaruh aktiviti pengganas



Chee Heng turut memasang tanglung dalam lawatannya itu.

BANTING - "Saya mengesah segala tindakan ganas dan tidak bermoral yang dilancarkan pengganas dan meminta apa juga pertikaian dibincangkan secara aman," demikian respons Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berhubung isu pengganas.

"Isu pengganas memberi tanggapan negatif terhadap tahap keselamatan, namun saya percaya kemampuan pasukan keselamatan dalam menjalankan tugas mereka.

"Saya harap sempena Tahun Baharu Cina kali ini ekonomi negara akan beransur pulih dan kehidupan sosial masyarakat aman

dan harmoni," katanya ketika meninjau pemasangan tanglung di sepanjang Jalan Telok Bunut, Pekan Banting sempena Sambutan Tahun Baharu 2016.

Menurutnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak supaya terus disiplin.

"Apa yang saya nampak, ibu bapa antara fokus utama waspada terhadap gerak geri anak-anak supaya tidak terpengaruh dalam aktiviti pengganas.

"Pelbagai masalah boleh timbul jika anak-anak kita terpengaruh," katanya.

Ahli majlis elak salah guna kuasa

Diminta fokus integriti galas amanah rakyat, amal sikap profesional

BANTING - "Jangan jadi ahli majlis untuk kepentingan diri," Demikian ucapan tegas Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Mohd Azhar Mohamed Ali selepas mengetahui Pengakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis MDKL bagi tempoh 16 Januari hingga 31 Disember 2016 di Bilik Cempaka Kuning MDKL, semalam.

Mohd Azhar berkata, selain bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran daripada penduduk, ahli majlis perlu memfokuskan integriti dalam setiap perkhidmatan yang diberikan.

Menurutnya, semua ahli majlis untuk sesi baharu tahun ini perlu ingat apabila mengangkat sumpah secara automatik mereka sudah menjadi amanah rakyat dan perlu terus bertanggungjawab.

"Kita perlu turun padang meninjau dan setiap masalah yang dibangkitkan rakyat perlu diambil peduli. Kadang-kadang penduduk hanya mahu masalah yang dihadapi terus selesai dan tak mahu ambil tahu masalah teknikal yang dihadapi PBT.

"Jadi, ahli majlis perlu profesional



Ahli majlis lama dan baharu bersama Mohd Azhar, Tengku Mohamed (duduk, dua kanan); Adun Telok Datok, Loh Chee Heng (duduk, kiri) dan Adun Morib, Hasnul Baharuddin (duduk, kanan) selepas Majlis Pengakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis, MDKL bagi tempoh 18 Januari hingga 31 Disember 2016, semalam.

dengan melakukan kerja yang terbaik untuk masyarakat. Ini kerana mereka memberi harapan tinggi bagi melihat sesuatu aduan diselesaikan cepat," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, terdapat segelintir ahli majlis sebelum ini menampilkan imej yang tidak

baik kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya dapat maklum mereka yang dilantik menyalahgunakan kuasa dengan cuba mendapatkan pelbagai kemudahan untuk kepentingan diri.

"Hal ini tak sepatutnya berlaku, jika ada perlu dihentikan kerana se-

bagai ahli majlis amanah yang dipikul perlu digalas dengan baik.

"Kita tak mahu isu integriti dalam kalangan ahli majlis di daerah Kuala Langat diperkatakan lagi," katanya.

Katanya, ahli majlis tidak seharusnya menjadikan tiada peruntukan sebagai alasan kerana pelbagai ke-

mudahan disediakan dan mereka perlu faham situasi kawasan seliaan masing-masing.

"Tiada cukai dikenakan di kawasan kampung baharu dan rumah kos rendah pada tahun ini dan ia boleh menjejaskan hasil kita.

"Bagaimanapun, kita turut merangka dan merancang pelbagai perkara dengan adanya pembangunan yang pantas di kawasan ini," katanya.

Difahamkan, seramai 10 muka baharu dilantik, termasuk Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamed Tengku Harun menggantikan mantan Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Dato Uzair Tengku Zainon Rashid Shah sekali gus melengkapkan 23 wakil ahli majlis dengan satu kerusi lagi bakal diisi tidak lama lagi.

Antara ahli majlis baharu yang mengangkat sumpah semalam, Lim Ton Yih, RHaridass, Rizuan Rahmat, Mat Irwan Ismail, Tiew Chee Hock, Teh Eng Teck, M Rajan, Gan Yee Chin, Rosdi Meor Endut dan Fazy Faizal/Mohamed Razally.